

TARIKH: 17/1/2023

SURAT KHABAR: UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT: 4

Pekerja asing tidak jejas peluang rakyat tempatan

BATU GAJAH: Kemasukan seramai 500,000 pekerja warga asing ke negara ini tidak akan menjejaskan peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan.

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, jumlah kemasukan itu yang dirancang pada tahun ini adalah pekerja dari 15 buah negara Asia.

Menurutnya, jumlah itu adalah berdasarkan permintaan daripada sektor pekerjaan yang tidak diminati warga tempatan antaranya perladangan, pertanian dan pembinaan.

"Kita mendapati amat sukar mendapatkan pekerja tempatan untuk bekerja di sektor-sektor ini.

"Kebergantungan pada pekerja asing dalam sektor ini amat tinggi, apabila tidak dapat bekalan penawaran secukupnya, ini akan mengganggu operasi sektor-sektor ini secara optimal dan mengakibatkan kerugian besar," katanya kepada pemberita pada majlis penyalaan tanglung sempena perayaan Tahun Baharu Cina di Pusing di sini malam semalam.

Sivakumar berkata, masalah kekurangan pekerja perlu diselesaikan segera kerana dibimbangi boleh menyebabkan ekonomi tidak dapat berkembang dengan baik terutama dengan lebih 700,000 pekerja warga asing pulang ke negara masing-masing ketika pandemik Covid-19.

Menurutnya, kementerian itu dan Kementerian Dalam Negeri yang mengadakan perbincangan baru-baru ini mencapai kata sepakat bagi mempermudah dan mempercepatkan proses permohonan pengambilan pekerja asing.

Beliau berkata, banyak perniagaan akan ditutup sekiranya mereka tidak mempunyai pekerja mencukupi.